

20/03/1998

PM lancar pasport pintar Isnin

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Rakyat Malaysia akan mula menggunakan pasport pintar berciri keselamatan khas, dilengkapi cip dan data peribadi pemegangnya yang hanya boleh dibaca oleh mesin khas, apabila ia dilancarkan minggu depan.

Pelancaran pasport pintar berciri 'Machine Readable Passport' (MRP)/Imej Retrieval Identification (IRIS) itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini, manakala pengeluarannya bermula pada hari berikutnya.

Malaysia adalah negara pertama memasang cip pada pasport sebagai langkah keselamatan, manakala data peribadi yang boleh dibaca oleh mesin sudah dilaksanakan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Singapura.

Menurut sumber, sebagai permulaan, pasport berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hanya membabitkan permohonan sekitar Lembah Klang, sebelum diperluaskan ke seluruh negara, menjelang akhir tahun ini.

Jabatan Imigresen bekerjasama dengan Iris Technologies Sdn Bhd (Iris) yang mengeluarkan cip dan PNBIT Sdn Bhd yang membekalkan mesin khas bagi membaca data pada pasport di 117 pintu masuk di seluruh negara.

Mesin pembaca data yang dipasang di pintu masuk itu adalah setaraf dengan mesin yang dipasang di negara lain dan diiktiraf oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Pasport pintar itu hanya dikeluarkan bagi pasport antarabangsa, pasport diplomatik dan pasport rasmi kerajaan, manakala pasport terhad masih menggunakan ciri keselamatan sedia ada, kata sumber itu.

Difahamkan, Jabatan Imigresen tidak memaksa kira-kira 6.5 juta pemegang pasport lama menukar kepada pasport baru. Bagaimanapun, setiap permohonan baru akan diberikan pasport pintar, manakala pasport yang sedia ada akan dilengkapi kemudahan itu apabila pemegangnya memperbaharainya.

Setiap pasport pintar yang dilengkapi data peribadi pemegangnya hanya boleh dibaca mesin pembaca yang dipasang di pintu masuk dengan melayangkan kulit pasport pada mesin. Segala maklumat akan dipaparkan pada layar komputer.

Jika pegawai imigresen mengesyaki sesuatu tidak kena atau maklumat yang dipaparkan di layar berbeza dengan maklumat yang dicetak pada pasport berkenaan, mereka akan membaca maklumat pada cip.

Maklumat peribadi yang disimpan dalam cip akan dibaca oleh mesin serta mengeluarkan gambar pemegangnya pada layar komputer. Maklumat ini mampu mengesan sebarang penipuan dan pemalsuan pasport.

(END)